



Kementerian Kesihatan Malaysia

MOH/K/EPI/71.25(GU) - e
FWBD/CHO/GP/003 (Pindaan 2025)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN WABAK KOLERA DI MALAYSIA

JILID 3



Kementerian Kesihatan Malaysia
Edisi Ketiga, 2025

Garis Panduan Pengurusan Wabak Kolera di Malaysia

FWBD/CHO/GP/003(Pindaan 2025)



Kementerian Kesihatan Malaysia

Edisi Ketiga, 2025

MOH/K/EPI/71.25(GU) - e

Garis Panduan Pengurusan Wabak Kolera di Malaysia

FWBD/CHO/GP/003(Pindaan 2025)

MOH/K/EPI/71.25(GU) - e

Hak Cipta Terpelihara. Buku ini tidak boleh dikeluarkan, keseluruhan atau sebahagiannya, dalam apa jua cara, elektronik atau mekanikal termasuklah fotokopi, merekod atau secara penyimpanan maklumat dan sistem pencarian yang diketahui sekarang atau yang dicipta kemudiannya tanpa permohonan bertulis daripada pengeluar.

Hakcipta

© Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan Oleh

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, 4, 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Edisi Ketiga – 2025

Diedarkan Oleh

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Kata Aluan

Ketua Pengarah Kesihatan

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam semakan dan kemas kini garis panduan bagi pengurusan wabak penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia.

Kadar jangkitan penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia telah menurun hasil bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang baik. Namun, cabaran masih wujud disebabkan oleh isu keselamatan makanan seperti amalan penyediaan yang tidak selamat, bahan mentah tercemar, kepelbagaian sumber makanan moden, perubahan iklim, jualan makanan secara dalam talian serta perkhidmatan penghantaran makanan yang meningkatkan risiko penularan penyakit.

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan lengkap untuk petugas kesihatan di lapangan dalam menjalankan aktiviti pengesanan, penyiasatan, kawalan dan pencegahan wabak secara bersepadu. Ianya turut mengambil kira kemajuan teknologi dan amalan terbaik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Semoga garis panduan ini dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta kecekapan petugas kesihatan dalam menangani wabak dengan lebih sistematik dan berkesan, sekaligus memperkukuhkan pengurusan kesihatan awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.



Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Kata Aluan

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, garis panduan bagi pengurusan wabak penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia telah berjaya dikemas kini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan kepakaran.

Penyakit bawaan makanan dan air merupakan antara penyumbang kepada morbiditi dan mortaliti serta boleh memberi kesan kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat jika tidak ditangani.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam menggubal dan melaksanakan polisi kesihatan awam yang proaktif dan responsif. Garis panduan ini merupakan antara inisiatif untuk memperkukuh sistem pemantauan, pencegahan dan kawalan penyakit di semua peringkat. Proses kemas kini dilaksanakan bagi memastikan garis panduan ini adalah terkini, komprehensif, berasaskan pengetahuan saintifik, selari dengan polisi kesihatan awam negara serta menerapkan prinsip-prinsip *public health precision*.

Saya yakin garis panduan ini akan memperkukuh pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan awam, seiring aspirasi negara ke arah masyarakat yang sihat, selamat dan berdaya tahan terhadap ancaman penyakit berjangkit. Semoga usaha ini menjadi satu langkah bermakna ke arah kesihatan awam yang lebih mampan.

Sekian, terima kasih.



Dr. Ismuni bin Bohari
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia



Pendahuluan

Kadar jangkitan penyakit bawaan makanan dan air di Malaysia menunjukkan penurunan hasil liputan perkhidmatan bekalan air bersih dan sanitasi yang tinggi. Namun begitu, kejadian masih berlaku disebabkan isu keselamatan makanan dan perubahan gaya hidup moden. Penyakit ini lazimnya berpunca daripada makanan atau air yang tercemar dengan agen seperti bakteria, virus, parasit atau bahan kimia, dan boleh menyebabkan kesan kesihatan yang serius jika tidak ditangani segera.

Garis panduan ini mula diterbitkan pada tahun 2000 sebagai rujukan utama dalam pengurusan penyakit bawaan makanan dan air. Selaras dengan perubahan dalam tren penyakit, faktor risiko dan kemajuan teknologi, semakan dan kemas kini telah dilakukan bagi memastikan kandungannya kekal relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.

Semakan dan kemas kini garis panduan ini telah dilaksanakan oleh Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Ia turut mengambil kira pengalaman di lapangan, pengurusan wabak terdahulu, bukti saintifik terkini serta rujukan garis panduan antarabangsa.

Matlamat utama adalah untuk memberi panduan kepada petugas kesihatan di lapangan bagi pengesanan, penyiasatan, kawalan dan pencegahan secara sistematik, berkesan dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Ia juga memperincikan peranan serta tanggungjawab setiap anggota bagi mengurangkan kesan terhadap kesihatan awam dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Diharapkan garis panduan ini menjadi rujukan komprehensif yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua petugas kesihatan dan pihak berkepentingan.

Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air
Sektor VPD/FWBD
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap individu yang telah memainkan peranan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam menjayakan penerbitan semula garis panduan ini.

Penghargaan ini ditujukan kepada:

- Pengarang dan penyumbang Garis Panduan Pengurusan Wabak Penyakit Bawaan Makanan dan Air edisi terdahulu terutamanya YBrs Dr. Wan Mansor bin Hamzah dan YBrs Dr. Mohd Hanif bin Zailani,
- Ahli panel semakan dan kemas kini yang terdiri daripada pelbagai kepakaran dan jawatan mewakili pelbagai peringkat organisasi iaitu di ibu pejabat, negeri dan daerah yang telah menyumbang kepakaran, pengalaman dan pengetahuan bagi menghasilkan garis panduan yang komprehensif, sistematik, berkesan dan praktikal,
- Semua panel *reviewer* yang terdiri daripada Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang telah melakukan semakan secara mendalam dan memberikan pandangan yang konstruktif terhadap garis panduan ini,
- Bahagian Kawalan Penyakit yang terdiri daripada Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) serta Ketua Sektor VPD/FWBD yang menginspirasi dan menyokong proses semakan,
- Semua anggota Unit Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air, Bahagian Kawalan Penyakit untuk usaha yang terus menerus dalam menjayakan setiap langkah bagi penerbitan semula garis panduan ini,
- semua individu yang telah dan dalam pelbagai cara, memberikan apa-apa sumbangan untuk penerbitan garis panduan ini.

Akhir sekali, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia atas kebenaran untuk menerbitkan garis panduan ini.

Jawatankuasa Editorial

Penasihat

Dr. Noraryana binti Hassan

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Husnina binti Ibrahim

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Harishah binti Talib

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Sidang Pengarang

Dr. Shahdattul Dewi Nur Khairitza binti Taib

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Puan Nur Athirah binti Mohd Firdaus Siau

Pegawai Analisa Data

Puan Azrin Zulaikha binti Mohd Azam

Pegawai Analisa Data

Puan Nur Hayani binti Ahmad @ Che Osman

Pegawai Analisa Data

Puan Siti Munirah binti Rosly

Pegawai Analisa Data

Encik Badlishah Nizam bin Ramly

Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Puan Rohaida binti Jaafar

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan

Panel Semakan dan Kemas Kini

Dr. Muhammad bin Jikal

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Nur Intan Kartiniwati binti Kamaruddin

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Diana Raj

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Noor Hafizan binti Mat Salleh

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Shreema a/p Rasiah

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Noridah binti Nordin

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

Dr. Dzawani binti Muhamad

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

Dr. Nurul Ashikin binti Adnan

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

Dr. Suhazeli bin Abdullah

Pakar Perubatan Keluarga

Dr. Nor Khairi bt Deris

Pakar Perubatan Keluarga

Dr. Nur Hanani binti Ahmad

Pakar Patologi (Mikrobiologi
Perubatan)

Dr. Alia Nasriana binti Nasruddin

Pakar Patologi (Kimia)

Puan R.Pusparani A/P Ramasamy

Pegawai Sains (Bakteriologi)

Encik Tan Cheng Keng

Pegawai Teknologi Makanan

Puan Hazly binti Mohamed

Pegawai Teknologi Makanan

Puan Nurrul Atikah binti Mohd Nasir

Pegawai Teknologi Makanan

Puan Nur Anis binti Mohd Sani

Pegawai Teknologi Makanan

Encik Kamarul Faizal bin Tajaruddin

Pegawai Kesihatan Persekitaran

Encik Ponolin Polin

Penolong Pegawai Kesihatan
Persekitaran Kanan

Dr. Nik Mohd Hafiz bin Mohd Fuzi

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Aznita Iryany binti Mohd Noor

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Norfazillah binti Ab Manan

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Norayuni bt Mohd Ismail

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Jamiatul Aida binti Md Sani

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Rohani binti Ismail

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Panel Semakan (*Reviewer*)

Dr. Maria Suleiman

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

**Dato' Dr. Wan Abdul Rahim bin Wan
Muhammad**

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan
Awam

Dr. Johari bin Awang Besar

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Kandungan

Prakata

Kata Aluan

Pendahuluan

Penghargaan

Senarai Penyumbang

Kandungan

Singkatan

Senarai Jadual dan Rajah

Senarai Lampiran

1.0 PENGENALAN	1
2.0 EPIDEMIOLOGI	1
2.1 Global	1
2.2 Malaysia	2
3.0 AGEN JANGKITAN	3
4.0 DEFINISI	5
4.1 Defini kes	5
4.2 Klasifikasi kes	5
4.3 Kontak	5
4.4 Wabak	5
5.0 PENGURUSAN KLINIKAL	6
6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM	8
6.1 Notifikasi kes	8
6.2 Penyiasatan epidemiologi	8
6.3 Langkah-langkah pencegahan dan kawalan	14

7.0 PENGURUSAN LAPORAN WABAK	16
7.1 Laporan awal wabak	16
7.2 Laporan harian wabak	16
7.3 Laporan akhir wabak	16
 Lampiran	 17
Rujukan	27

Singkatan

WHO	<i>World Health Organization</i>
CTX	<i>Cholera Toxin</i>
PCR	<i>Polymerase Chain Reaction</i>
ORS	<i>Oral Rehydration Salt</i>
SAM	<i>Severe Acute Malnutrition</i>
NAG	<i>National Antimicrobial Guideline</i>
mg	<i>milligram</i>
PO	<i>Per Oral</i>
cm	<i>centimeter</i>
ml	<i>millimeter</i>
g	<i>gram</i>
kg	<i>kilogram</i>
max	<i>maximum</i>
IV	<i>Intravenous</i>
q6h	<i>Every 6 hours</i>
q12h	<i>Every 12 hours</i>
PKD	<i>Pejabat Kesihatan Daerah</i>
ACD	<i>Active Case Detection</i>
PCD	<i>Passive Case Detection</i>
AGE	<i>Acute Gastroenteritis</i>
IHR	<i>International Health Regulation</i>
RRT	<i>Rapid Response Team</i>
RSVC	<i>Rectal Swab Vibrio Cholerae</i>
MKAK	<i>Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan</i>
PFGE	<i>Pulsed Field Gel Electrophoresis</i>
MKA	<i>Makmal Kesihatan Awam</i>
MKKM	<i>Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan</i>
CPRC	<i>Crisis Preparedness and Response Centre</i>
CDC	<i>Center of Disease Control and Prevention</i>
IMRAD	<i>Introduction, methodology, results and discussion</i>
FOSIM	<i>Food Safety Information System of Malaysia</i>

Senarai Jadual dan Rajah

Jadual

Jadual 1	Senarai negara yang masih banyak melaporkan wabak kolera	2
Jadual 2	Jenis-jenis <i>strain Vibrio Cholerae</i>	4
Jadual 3	Rawatan antibiotik bagi kes kolera (<i>4th Edition of National Antimicrobial Guideline, NAG</i>)	7
Jadual 4	Pensampelan klinikal kes/kontak	12
Jadual 5	Pensampelan persekitaran, makanan dan minuman	13

Rajah

Rajah 1	Tren 10 tahun Kolera di Malaysia, 2014-2023	2
Rajah 2	Tren 10 tahun Kolera di Sabah, 2014-2023	3
Rajah 3	Siasatan kes kolera	8
Rajah 4	Carta alir penyiasatan epidemiologi bagi kes kolera berdasarkan klasifikasi tempat jangkitan	10

Senarai Lampiran

Lampiran 1	Prosedur Pengambilan Swab Rektal daripada Kes dan Kontak	17
Lampiran 2	Borang FWBD/003/UMU/2025	18
Lampiran 3	Borang FWBD/004/UMU/Daerah/2025	24
Lampiran 4	Borang FWBD/004/UMU/Negeri/2025	25
Lampiran 5	Borang FWBD/005/UMU/2025	26

1.0 PENGENALAN

Kolera merupakan penyakit enterik akut yang disebabkan pengambilan makanan atau air yang tercemar oleh bakteria *Vibrio cholerae*. Ia merupakan salah satu masalah kesihatan awam di Malaysia yang berupaya untuk merebak dengan cepat serta boleh mengakibatkan kematian. Kejadian penyakit ini berkait rapat dengan bekalan air yang tidak selamat, kebersihan dan sanitasi yang tidak memuaskan dan kesesakan. Bencana alam secara semula jadi seperti banjir juga boleh menyumbang kepada kejadian penyakit ini. Justeru, langkah pencegahan serta kawalan adalah amat penting bagi mengurangkan impak kepada ekonomi, sosial dan kesihatan. Kira-kira 20% daripada individu yang dijangkiti akan mengalami cirit-birit; sekitar 20% daripada individu yang bergejala ini pula akan mengalami cirit-birit yang teruk dan muntah-muntah.¹ Jika tidak dirawat dengan segera, ianya boleh menyebabkan dehidrasi teruk, hipovolemia, hemokonsentrasi, oliguria, anuria, asidosis² dan boleh mengakibatkan kematian dalam beberapa jam.^{1,3} Bagi *Vibrio cholerae* biotype El Tor, terdapat kes yang dijangkiti tetapi tidak menunjukkan gejala (*asymptomatic infection*) atau hanya mengalami gejala ringan.⁴

Kadar kematian kes yang tidak dirawat boleh mencapai sehingga 30–50%. Namun, jika rawatan diberikan dengan segera dan tepat, kadar kematian dapat dikurangkan di bawah 1%.²

2.0 EPIDEMIOLOGI

2.1 Global

Sebanyak 472,697 kes kolera telah dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization, WHO*) di seluruh dunia pada 2022 dengan 2,349 kematian. Walau bagaimanapun, kes yang dilaporkan ini hanya melibatkan 44 negara sahaja.^{5,6} Beban penyakit sebenar dijangka melebihi angka yang dilaporkan kerana kebanyakan kes tidak dilaporkan disebabkan kebimbangan akan implikasi terhadap perdagangan dan pelancongan.⁵


Terdapat penurunan kes kolera yang ketara pada akhir tahun 1990-an di seluruh dunia, namun ia masih tersebar luas di beberapa bahagian Afrika dan Asia.⁷ Purata kadar fataliti kolera di seluruh dunia yang dilaporkan pada tahun 2021 adalah 1.9% (2.9% di Afrika) iaitu melebihi nilai yang ditetapkan (<1%). Jadual 1 menunjukkan beberapa negara yang berada di bawah pemantauan WHO kerana masih banyak melaporkan kejadian wabak kolera.

Jadual 1: Senarai negara yang masih banyak melaporkan wabak kolera

Wilayah WHO	Negara
Afrika	Burundi, Cameroon, Republik Demokratik Congo, Ethiopia, Kenya, Malawi, Mozambique, Nigeria, Zambia
Amerika	Haiti, Republik Dominican
Timur Mediterranean	Afghanistan, Lebanon, Pakistan, Somalia, Syria
Eropah	Barat Laut Syria
Asia Tenggara	Bangladesh
Pasifik Barat	Filipina


2.2 Malaysia

Di Malaysia, kolera adalah pada tahap endemisiti yang rendah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang boleh meningkatkan kemungkinan akan berlakunya wabak. Ini termasuk kehadiran populasi migran, faktor perubahan persekitaran, pergerakan populasi rentas sempadan serta penempatan setinggan yang tidak terancang.



Rajah 1: Tren 10 tahun kolera di Malaysia, 2014 – 2023

Rajah 1 menunjukkan kadar insiden kolera adalah hampir sama bagi tempoh 10 tahun (2014-2023) iaitu di antara 0 hingga 0.8 per 100,000 penduduk setahun. Pada tahun 2023, sebanyak 48 kes dilaporkan. Bilangan kes tertinggi dilaporkan berlaku dalam kalangan individu berumur 1-6 tahun (22%) diikuti oleh kumpulan umur 7-17 tahun (12%). Majoriti kes melibatkan bukan warganegara iaitu sebanyak 63%.



Rajah 2: Tren 10 tahun kolera di Sabah, 2014 – 2023

Rajah 2 menunjukkan tren 10 tahun kolera di Sabah. Sabah merupakan negeri yang melaporkan kes kolera tertinggi di Malaysia. Pada tahun 2023, kadar insiden kolera di Sabah adalah 1.1 per 100,000 penduduk.

3.0 AGEN JANGKITAN

Terdapat lebih 200 serogroup *V. cholerae* telah dikenalpasti dan ianya dibahagikan kepada serogroup O1, serogroup O139, serogroup non-O1 dan non-O139. Serogroup O1 dan serogroup O139 boleh menyebabkan kolera dan wabak, disebabkan toksin kolera (*Cholera Toxin*, CTX) yang dihasilkan. CTX ialah toksin yang bertanggungjawab menyebabkan cirit-birit dan mengakibatkan dehidrasi.

Secara amnya, serogroup non-O1/non-O139 tidak menghasilkan CTX dan hanya menyebabkan gastroenteritis (vibriosis). Hanya sebilangan kecil *strain V. cholerae* non O1/non O139 membawa gen dan menghasilkan CTX.⁸⁻¹⁰

Berdasarkan *biotype* (*phenotype* dan *genetic markers*), serogroup O1 boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu Klasikal dan El Tor.¹¹ Majoriti wabak yang berlaku di dunia adalah disebabkan oleh *biotype* El Tor. *Biotype* El Tor lebih berisiko kerana boleh menyebabkan jangkitan asimptomatik (positif kolera tetapi tiada gejala) dan bakteria ini mampu bertahan dalam persekitaran berair seperti air sungai, air limbah dan lain-lain.

Berdasarkan *serotype*, *strain* O1 boleh dibahagikan kepada tiga iaitu Ogawa, Inaba, dan Hikojima. *Serotype* Ogawa dan Inaba boleh berada bersama-sama (*co-circulate*) semasa wabak dan boleh berubah antara satu sama lain. *Serotype* Hikojima jarang dikesan dan kajian menunjukkan ianya merupakan bentuk transisi yang tidak stabil yang berlaku apabila satu *strain* mengalami pertukaran *serotype* daripada Ogawa kepada Inaba.¹¹

Jadual 2: Jenis-jenis *strain Vibrio cholerae*

Jenis <i>Strain</i>	Serogroup	<i>Biotype</i>	<i>Serotype</i>
Menyebabkan wabak kolera (menghasilkan CTX)	O1	Classical	Inaba Ogawa Hikojima
		El tor	
	O139	-	-
Tidak menyebabkan wabak kolera (vibriosis/gastroenteritis)	Non-O1 & non-O139	-	-

Transmisi jangkitan berlaku melalui *faecal-oral* dengan 2 cara penularan utama:

- i. Meminum air yang tercemar
 - Pencemaran mungkin berlaku pada sumber bekalan air, semasa dalam sistem agihan, semasa simpanan atau semasa penggunaan.
- ii. Memakan makanan yang tercemar
 - Makanan laut seperti kerang-kerangan dan rumpai laut yang hidup dalam air yang tercemar dan tidak dimasak dengan sempurna.
 - Buah-buahan dan sayuran yang tercemar dan dimakan mentah.
 - Makanan yang tercemar semasa penyediaan dan semasa dihidangkan.

Dos jangkitan (*infective dose*) adalah 10^6 – 10^{11} . Ianya bergantung kepada kerentanan seseorang yang dipengaruhi oleh asid gaster (*gastric acidity*) di mana *V. cholerae* boleh dimusnahkan di bawah pH 4.5. Ia juga dipengaruhi oleh tahap imuniti seseorang yang terhasil daripada jangkitan lalu. Walau bagaimanapun, imuniti bertahan hanya untuk beberapa bulan hingga tahun dan tidak seumur hidup. *Cross protection* antara serogroup adalah tidak lengkap.

Tempoh pengerasan (*incubation period*): Beberapa jam sehingga 5 hari, purata adalah 2-3 hari.⁵

Tempoh kebolehjangkitan (*infectivity period*): Sepanjang tempoh penyakit dan selama beberapa hari selepas pemulihan klinikal iaitu sehingga sampel najis negatif untuk *V. cholerae*.⁵

Seseorang yang telah dijangkiti mungkin tidak menunjukkan sebarang gejala (kes asimptomatik) tetapi masih boleh menyebarkan jangkitan (*bacterial shedding*) melalui najis. Tiada fasa pembawa kronik.¹²

4.0 DEFINISI

4.1 Definisi kes

4.1.1 Kriteria klinikal

Individu yang mengalami cirit-birit berair yang akut dengan/atau tanpa gejala muntah

4.1.2 Kriteria makmal

Isolasi *Vibrio cholerae* toksigenik (*cholera toxin-producing*, CTX) O1 atau O139 dari ujian kultur

Atau

Positif *Vibrio cholerae* toksigenik iaitu O1 atau O139 dari ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR)

4.2 Klasifikasi kes

4.2.1 Kes yang disyaki

Kes yang memenuhi kriteria klinikal

4.2.2 Kes yang disahkan

Kes yang disyaki dan disahkan makmal

4.2.3 Kes asimptomatik

Kes yang tidak memenuhi kriteria klinikal tetapi telah disahkan melalui ujian makmal.

Kes asimptomatik perlu dinotifikasi namun tidak perlu didaftarkan ke dalam sistem pelaporan penyakit. Walaupun begitu daripada segi pengurusan kes, ia hendaklah diuruskan seperti kes yang disahkan.

4.3 Kontak

Kontak ialah individu yang mempunyai hubungan rapat/terdedah dengan kes yang disahkan dalam tempoh 5 hari sebelum onsets (tempoh inkubasi) sehingga kes dimasukkan ke wad atau diisolasi.

Berikut adalah jenis-jenis kontak yang perlu disiasat:

- i. Kontak serumah
- ii. Kontak tempat kerja
- iii. Kontak di sekolah
- iv. Kontak sosial
- v. Kontak di premis/tempat makan

4.4 Wabak

Wabak penyakit ini berlaku apabila terdapat satu (1) atau lebih kes dalam satu-satu masa inkubasi dalam lokaliti yang sama atau mempunyai hubungan epidemiologi (*epidemiologically linked*).

Wabak tamat jika tiada kes baharu dilaporkan dalam masa 10 hari (2 tempoh inkubasi) daripada tarikh onset kes terakhir dilaporkan.

5.0 PENGURUSAN KLINIKAL

Semua kes yang disahkan kolera mestilah dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Semua kes yang disyaki perlu diasingkan, kemasukan ke wad disarankan namun bergantung kepada penilaian klinikal, risiko dan situasi semasa.

Berikut adalah protokol rawatan yang digunakan:

- i. Masukkan pesakit ke wad yang dikhaskan/isolasi (*designated ward*). Anggota kesihatan yang mengendalikan kes perlu mengambil langkah-langkah kawalan pencegahan infeksi semasa mengendalikan pesakit.
- ii. Mengawasi tekanan darah, kadar nadi, pengeluaran urin dan najis.
- iii. Memantau tahap hidrasi badan. Sebolehnya berikan cecair rehidrasi secara oral. Bagi dehidrasi ringan/sederhana, rawatan menggunakan ORS. Manakala bagi dehidrasi teruk, rawatan cecair intravena perlu diberikan.
- iv. Penggantian Potassium.
- v. Elakkan penggunaan ubat anti-emetik dan anti-spasmodik bagi memberhentikan cirit birit atau muntah dengan serta merta.
- vi. Pemberian antibiotik kepada kes bagi kriteria seperti di bawah.¹³
Pesakit yang berada dalam keadaan kritikal, mengalami kehilangan cecair yang tinggi, atau mempunyai penyakit sampingan atau keadaan kesihatan serius seperti kekurangan zat makanan akut teruk (*severe acute malnutrition*, SAM) dan kehamilan.¹³

Kehilangan cecair yang tinggi: Purata satu atau lebih episod najis setiap jam dalam tempoh 4 jam pertama pemantauan rehidrasi. Situasi ini menunjukkan bahawa terapi oral mungkin tidak mencukupi untuk menggantikan kehilangan cecair akibat cirit-birit, sekali gus meningkatkan risiko dehidrasi teruk dan komplikasi yang berkaitan.

Rujuk Jadual 3 untuk regim rawatan.

- vii. Prosedur *stool clearance* dilakukan selepas 24 jam kemasukan wad atau/dan simptom pulih. *Stool clearance* diambil selama 3 hari berturut-turut dengan jarak 24 jam setiap satu.¹⁴
- viii. Pesakit boleh dibenarkan discaj setelah 3 kali berturut-turut *stool clearance* negatif.
- ix. Jika *stool clearance* adalah positif, pesakit berkemungkinan adalah kebal/*resistant* terhadap antibiotik. Ujian sensitiviti perlu dibuat.

Jadual 3: Rawatan antibiotik bagi kes kolera (4th Edition of National Antimicrobial Guideline, NAG)

Kes	Cadangan rawatan		Catatan
	Pilihan utama	Alternatif	
Dewasa	<i>Doxycycline</i> 300mg PO single dose	<i>Ciprofloxacin</i> 1g PO single dose OR * <i>Azithromycin</i> 1g PO single dose OR * <i>Erythromycin Ethylsuccinate</i> 800mg PO q12h for 3 days	Indication for antibiotics: -Oral or intravenous hydration is the mainstay of cholera treatment. -Antibiotics are recommended for patients with moderate to severe illness who are hospitalized * <i>Azithromycin/Erythromycin</i> is recommended in pregnancy.
Kanak-kanak	<i>Azithromycin</i> 20mg/kg/day PO in a single dose (max.1g) OR <i>Erythromycin ethylsuccinate</i> 12.5mg/kg/dose PO q6h (max. 250mg/dose) for 3 days OR * <i>Doxycycline</i> 4.4mg/kg/day PO in a single dose (max. 200mg) for children >8 years old		Oral or IV rehydration is the cornerstone of treatment. Prompt initiation of antibiotic therapy reduces the volume and duration of diarrhoea. Antibiotics should be considered for people who are moderately to severely ill. Antibiotic choice depends on age and pattern of resistance. Monitor antibiotic sensitivity pattern at the beginning of and during the outbreak as it can change. * AVOID using doxycycline for young children as they can cause staining of the teeth. Use of doxycycline should be considered in an epidemic caused by susceptible isolates. Fluoroquinolones are not approved for children younger than 18 years old for this indication.

6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM

6.1 Notifikasi kes

Mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua kes disyaki atau disahkan kolera wajib dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan dalam tempoh tidak melebihi 24 jam daripada tarikh diagnosis. Kes asimptomatik juga perlu dinotifikasi namun tidak perlu didaftarkan oleh PKD.

6.2 Penyiasatan epidemiologi


Objektif utama siasatan dijalankan adalah bagi

- i. Mengenal pasti punca jangkitan
- ii. Merancang tindakan kawalan yang bersesuaian
- iii. Memutuskan rantai jangkitan

6.2.1 Penyiasatan kes

Siasatan perlu dimulakan sebaik sahaja notifikasi diterima dengan menggunakan borang siasatan FWBD/003/UMU/2025 (pindaan 2025). Sejarah pergerakan dan pengambilan makanan/minuman serta senarai kontak dalam tempoh 5 hari sebelum onset/dari tarikh sampel positif diambil (bagi kes asimptomatik) perlu disiasat bagi mengenal pasti sumber jangkitan, sehingga pesakit didiagnos kolera dan diasingkan.

- i. Definisi kes jangkitan tempatan:
Kes kolera yang disahkan di mana punca jangkitan disyaki berlaku di lokaliti tersebut.
- ii. Definisi kes import:
Kes kolera yang disahkan di mana punca jangkitan berlaku di negara luar berdasarkan siasatan epidemiologi atau siasatan makmal atau kedua-duanya sekali.



Rajah 3: Siasatan kes kolera

6.2.2 Pengesanan kes

6.2.2.1 Pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*, ACD)

Siasatan lapangan ke rumah kes, kawasan persekitaran atau lain-lain tempat yang berkaitan perlu dibuat untuk pengesanan kes secara aktif bagi tujuan kawalan wabak.

Bagi kes jangkitan tempatan, surveilan *Acute Gastroenteritis* (AGE) perlu diperkasakan. Analisa tren kes AGE perlu dibuat secara harian di klinik kesihatan dan klinik swasta di lokaliti terlibat. Bagi lokaliti yang mencatatkan kes AGE yang tinggi, ACD perlu dibuat.

6.2.2.2 Pengesanan kes secara pasif (*Passive Case Detection*, PCD)

Bagi kes jangkitan tempatan, *cholera alert* perlu dikeluarkan ke semua fasiliti kesihatan di lokaliti terlibat. Pengamal perubatan di fasiliti kerajaan dan swasta perlu diingatkan untuk mempunyai *high index of suspicion* apabila merawat kes cirit-birit terutamanya lokaliti yang dikesan mempunyai kes dan menotifikasikan kes-kes yang disyaki.

Semua kes cirit-birit teruk perlu diambil swab rektal dan dirujuk ke hospital. Maklumat pesakit tersebut perlu dimaklumkan kepada Pejabat Kesihatan terdekat bagi tujuan siasatan kontak. Adalah disyorkan supaya swab rektal diambil daripada pesakit-pesakit yang mengalami cirit-birit ringan secara rawak¹ bagi setiap 3 atau 4 orang pesakit.

6.2.3 Pengesanan kontak


Semua kontak perlu dibuat siasatan menggunakan borang siasatan kes FWBD/003/UMU/2025 (pindaan 2025). Bagi kontak yang berada di luar kawasan operasi, perlulah dirujuk kepada Pejabat Kesihatan yang berkenaan.

Ujian *stool culture/high rectal swab* hendaklah diambil daripada kesemua kontak yang telah dikenal pasti. Rujuk Lampiran 1 untuk teknik melakukan *high rectal swab*. Sekiranya kontak bergejala, perlu rujuk kepada pengamal perubatan di hospital bagi pengurusan selanjutnya. Kemasukan ke wad disarankan namun bergantung kepada penilaian klinikal, risiko dan keadaan semasa.

Pendidikan kesihatan mengenai penyakit kolera, amalan kebersihan tangan dan pengasingan diri perlu diberikan kepada kontak sementara menunggu keputusan swab rektal/*stool culture* diterima.

Pemberian kemoprofilaksis boleh diberikan kepada kontak jika perlu, tetapi hanya kepada kontak terdekat dan pengendali makanan sahaja (*selective chemoprophylaxis*). Regim rawatan adalah seperti kes.¹³

Mass chemoprophylaxis tidak digalakkan kerana berisiko menyebabkan kerintangan terhadap antibiotik.



Rajah 4: Carta alir penyiasatan epidemiologi bagi kes kolera berdasarkan klasifikasi tempat jangkitan

6.2.4 Siasatan persekitaran

Siasatan persekitaran dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor risiko di lapangan. Antara aspek yang perlu dititikberatkan sewaktu pemerhatian adalah seperti berikut:

- i. Ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi penduduk setempat termasuk jenis penempatan serta aktiviti harian penduduk yang berkaitan dengan faktor risiko kejadian penyakit kolera.

